



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

TABUNG BAYARAN BALIK CUKAI PENDAPATAN

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) merupakan agensi kerajaan yang bertanggungjawab ke atas kutipan cukai langsung negara. Sistem percukaian yang diamalkan di Malaysia adalah Sistem Taksir Sendiri (STS), mulai tahun 2001 bagi syarikat dan 2004 untuk selain syarikat.

Di bawah STS, pembayar cukai perlu mengira cukai yang perlu dibayar, menghantar borang nyata cukai pendapatan (BNCP) dan seterusnya membayar cukai yang sepatutnya dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Bagi memudahkan pelaksanaan STS, kerajaan telah menetapkan cukai dibayar secara pendahuluan, sama ada menggunakan kaedah Potongan Cukai Bulanan atau ansuran anggaran cukai.

Cukai terlebih bayar wujud apabila amaun bayaran cukai yang dibayar secara pendahuluan adalah lebih tinggi berbanding amaun tanggungan cukai yang dilaporkan dalam BNCP.

Semua bayaran yang diterima daripada pembayar cukai akan dimasukkan ke dalam Akaun Kumpulan Wang Disatukan. Kelulusan penyaluran ke Tabung Bayaran Balik Cukai (TBBC) adalah di bawah tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Wang Tunai, Kementerian Kewangan.

Setiap cukai yang terlebih bayar ini akan diproses dan dibayar balik kepada pembayar cukai berdasarkan kepada kepada Rangka Kerja Pungutan LHDNM bertarikh 20 April 2016 yang boleh diakses melalui Portal Rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my.

Sehingga 31 Mei 2018, baki berjumlah RM16.04 bilion masih belum dibayar balik kepada pembayar cukai yang tertunggak sejak lebih 6 tahun yang lepas dan membabitkan sebanyak 1,653,786 kes syarikat, individu, persatuan dan yayasan. Statistik amaun baki kredit belum dibayar balik mengikut usia kes pada 31 Mei 2018 adalah seperti berikut:

Usia Kes	Syarikat (RM bilion)	Individu, Persatuan dan Yayasan (RM bilion)	Jumlah (RM bilion)	%
Melebihi 6 tahun	3.090	1.503	4.593	29
4 Hingga 5 tahun	2.759	0.780	3.539	22
2 Hingga 3 tahun	5.212	0.913	6.125	38
1 tahun	1.356	0.433	1.789	11
Jumlah	12.417	3.629	16.046	100

Penangguhan bayaran balik cukai terlebih bayar ini terutamanya disebabkan oleh peruntukan dalam TBBC yang tidak mencukupi. Dalam mesyuarat bulanan Jawatankuasa Pengurusan Wang Tunai, Kementerian Kewangan yang dipengerusikan oleh mantan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah, LHDNM telah memaklumkan kedudukan baki kredit terkini yang boleh dibayar balik kepada pembayar cukai dan memohon tambahan peruntukan untuk dipindahkan ke TBBC agar bayaran balik dapat dilaksanakan. Permohonan rasmi secara bertulis juga telah dibuat kepada pihak Kementerian Kewangan.

LHDNM mengesahkan kenyataan YB Menteri Kewangan Lim Guan Eng bahawa terdapat kekurangan penyaluran pindahan hasil cukai langsung yang dikutip ke dalam akaun amanah TBBC.

Berdasarkan kedudukan TBBC yang terhad, keutamaan pembayaran balik cukai terlebih bayar diberikan kepada pembayar cukai individu. Sehingga 31 Julai 2018, LHDNM telah berjaya memproses lebih daripada 90% permohonan bayaran balik cukai tahun semasa bagi kategori pembayar cukai tersebut. Bagi kategori pembayar cukai yang lain, bayaran balik masih tidak dapat dilaksanakan kerana tiada peruntukan tambahan untuk tabung tersebut.

Selaras dengan hasrat kerajaan untuk mensejahterakan rakyat dan menyahut saranan YB Menteri Kewangan Lim Guan Eng, LHDNM akan memberikan pertimbangan kepada permohonan pembayar cukai yang mempunyai kredit cukai yang perlu dibayar balik oleh LHDNM untuk *set-off* cukai yang perlu dibayar bagi tahun semasa. Pembayar cukai hendaklah mengemukakan permohonan *set-off* tersebut kepada cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai mereka.

Bagi pembayar cukai yang tidak memohon untuk *set-off*, bayaran balik mereka akan diproses bergantung kepada peruntukan TBBC yang diluluskan oleh kerajaan dan kedudukan kewangan negara. Mengambil kira kekangan kewangan akibat hutang kerajaan yang melebihi RM1 trilion, YB Menteri Kewangan Lim Guan Eng sedang berusaha untuk mencari sumber kewangan, untuk membuat bayaran balik sama ada pada tahun hadapan atau tahun-tahun berikutnya.

Sebagai peringatan kepada pembayar cukai, terutamanya sektor korporat, terdapat beberapa tindakan yang boleh diambil untuk mengelakkan wujudnya bayaran balik:

- a) Memastikan anggaran cukai yang diisi dikira setepat yang mungkin. Sekiranya pihak syarikat mendapati anggaran cukai yang terkini adalah lebih rendah berbanding anggaran cukai yang asal, syarikat boleh membuat pindaan pada bulan ke-6 atau bulan ke-9 dalam tempoh asas syarikat.

- b) Individu yang mempunyai pendapatan daripada punca perniagaan boleh membuat pindaan amaun bayaran ansuran sekiranya mendapati anggaran cukai terkini adalah lebih rendah berbanding anggaran cukai asal. Permohonan pindaan tersebut hendaklah dibuat tidak lewat dari 30 Jun bagi tahun taksiran yang berkenaan.

LHDNM akan memberi kerjasama sepenuhnya kepada pasukan khas yang ditubuhkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi menyiasat laporan yang berkaitan dengan isu bayaran balik cukai pendapatan.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan oleh:

Dato' Sri Sabin Samitah
Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri / Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Tarikh: 24 Ogos 2018

Kenyataan Media LHDNM, 24 Ogos 2018